

U B892 AAB
MAHATHIR - UNBUR R R R

KOTA BAHARU, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BELIAU SEDIA MELETAKKAN JAWATAN MEMANDANGKAN USIANYA TETAPI TIDAK DIBENARKAN OLEH RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN.

+SAYA RELA UNTUK MENGUNDURKAN DIRI SEKARANG, TETAPI KAWAN-KAWAN TAK BAGI,+ KATANYA KEPADA SEKUMPULAN ANGGOTA VETERAN UMNO KELANTAN DI SINI.

KATANYA, BELIAU SEDAR BAHAWA SEBAGAI SEORANG YANG TELAH MENJANGKAU USIA 65 TAHUN BOLEH DIANGGAP VETERAN DAN RAMAI DARI KALANGAN YANG HADIR ITU MERUPAKAN SEANGKATAN DENGANNYA BERJUANG DALAM UMNO.

BELIAU BERKATA LAWATAN DUA HARINYA KE KELANTAN INI JUGA MELETIHKAN.

+LETIH JUGA KE SANA KE MARI SAMPAI ENAM KALI BERCAKAP,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYEBUT TENTANG HASRATNYA (MELETAK JAWATAN) ITU, SEMASA MENJELASKAN USAHA-USAHA PRESIDEN SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH MENENTANG BELIAU.

KATANYA BELIAU SANGGUP MENERIMA APA SAHAJA YANG DIPERLAKUKAN OLEH TENGGU RAZALEIGH UNTUK MENENTANG BELIAU TETAPI TIDAK RELA UMNO DIHANCURKAN KERANA PERTENTANGAN ITU. -- LAGI

1536MST 29 09 90

U B900 AAB
MAHATHIR - UNBUR 2 KOTA BAHARU R R R

BELIAU BERKATA MEMANG PADA DASARNYA JIKA MEMEGANG JAWATAN LAIN SEPERTI HAKIM PADA USIA 65 TAHUN, TELAH LAYAK BERSARA TETAPI +PENGECEUALIAN+ INI BERLAKU DALAM POLITIK.

+ADATNYA, ORANG TUA AKAN BERANSUR PERGI TETAPI YANG MENJADI MASALAH ADA ORANG MUDA TIDAK SABAR MENUNGGU SAYA,+ KATANYA DALAM NADA BERJENAKA.

BELIAU SEPENDAPAT DENGAN RAKAN-RAKAN DI DALAM UMNO BAHAWA PERPADUAN MELAYU MASIH PERLU DIPERKUKUKAN DAN PERJUANGAN PARTI PERLU DITERUSKAN.

ANGGOTA UMNO YANG MUDA MASIH PERLU DIBERI TUNJUKAJAR UNTUK MENYAMBUNG PERJUANGAN PARTI, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BILA SESEORANG ITU DIANGGAP AHLI POLITIK VETERAN, BUKAN BERMAKNA DIA TELAH BERSARA DAN TIDAK BOLEH AKTIF.

KATANYA, WALAUPUN TUA DARIPADA SEGI TUBUH BADAN TETAPI SEMANGAT PERJUANGAN HARUS DIKEKALKAN KERANA PENGALAMAN MENJADI FAKTOR PENTING.

BELIAU MENJELASKAN PERJUMPAAN YANG DIADAKAN ITU JUGA BERTUJUAN UNTUK MEMPERINGATKAN AHLI-AHLI POLITIK VETERAN TENTANG SOKONGAN BERTERUSAN YANG PERLU DIBERIKAN KEPADA UMNO YANG TELAH BANYAK BERJASA KEPADA ORANG MELAYU.

-- BERNAMA
1548MST 29 09 90